

Dagangan bebas pesat ekonomi

Oleh SHARIFFUDIN MOHAMED

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sistem perdagangan bebas antarabangsa yang diwujudkan selepas Perang Dunia Kedua bertanggungjawab membawa pemulihan dalam ekonomi dunia.

Beliau berkata, kejayaan Jepun memulihkan ekonominya adalah satu contoh daripada amalan perdagangan bebas itu.

"Perdagangan bebas menggalakkan pelaburan asing dengan perluasan modal serta teknologi ke negara yang tidak mempunyai teknologi dan kewangan yang mencukupi," katanya ketika berucap di majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Jepun, Encik Toshiki Kaifu, yang melawat negara ini, di Sri Perdana di sini, malam tadi.

Menurutnya, jika dasar perlindungan dagangan diamalkan, perkembangan ekonomi dunia akan terjejas dan oleh itu, tiada sesebuah negara yang dapat mencapai kepesatan ekonomi.

Sehubungan itu, beliau berkata, Asean khususnya Malaysia tidak wajar menumpukan perhatian dalam bidang perdagangan kepada rantau ini saja dan melupakan amalan perdagangan bebas.

"Dengan kira-kira 50 peratus perdagangan Malaysia dikuasai oleh Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah, Malaysia tidak boleh mempunyai perdagangan dengan negara-negara Asia Timur saja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bukan bertujuan menutup

pasaran Asia Timur daripada negara-negara Eropah atau Amerika Syarikat.

"Matlamatnya ialah untuk memberi negara-negara Asia Timur bersuara secara bersama mengenai perdagangan bebas yang membabitkan masa depan sistem perdagangan dunia.

"Kami bukan mahu menubuhkan sebuah kesatuan ekonomi Asia Timur atau Zon Perdagangan Bebas Eksklusif Asia Timur," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika pembangunan Asean sudah menjadi pasaran yang bernilai tinggi bagi negara-negara maju, kumpulan EAEG juga akan memberi faedah yang sama kepada Amerika Syarikat dan Eropah.

■ Lihat juga muka 2 dan 3